



جابتن ائام اسلام ڤيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(84)

Tarikh: 10 Rabiulawwal 1447H
3 September 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	5 September 2025 / 12 Rabiulawwal 1447
Tajuk	Ukhuwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

"PERAK SEJAHTERA 2030"

Kepada Imam/Khatib bertugas

* *Mohon buat pengumuman sebelum Jumaat 5/9/25* LAMPIRAN A

**TEKS HEBAHAN BERKAITAN PELAKSANAAN AKTIVITI PENGUKUHAN
IMUNISASI TAMBAHAN MEASLES DAN RUBELLA (MR SIA) DI
MASJID/SURAU & KHUTBAH JUMAAT**

Tajuk: Lindungi Anak-anak daripada bahaya Penyakit Measles & Rubella (MR)

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Sidang jemaah yang dirahmati Allah sekalian,

Untuk makluman sidang jemaah, situasi demam campak semakin meningkat di negeri Perak. Pada 2024, sebanyak 192 kes measles telah dilaporkan, iaitu peningkatan sebanyak 231% berbanding tahun sebelumnya pada tahun 2023. Wabak demam campak juga menunjukkan peningkatan daripada 2 kejadian pada 2023 kepada 14 pada 2024. Siasatan juga mendapati seramai 80.7% dari mereka yang dijangkiti adalah individu yang tidak menerima imunisasi atau tidak lengkap imunisasi.

Penyakit ini amat mudah berjangkit dan merebak serta boleh membawa komplikasi serius, khususnya kepada kanak-kanak berumur bawah lima tahun yang belum mempunyai sistem imun yang matang. Antara komplikasi campak termasuklah jangkitan paru-paru, jangkitan selaput otak, jangkitan pada telinga menyebabkan pekak, kebutaan, cirit-birit teruk, dan dalam kes tertentu, boleh membawa maut.

Sebagai usaha melindungi anak-anak dan masyarakat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan pemberian satu dos pelalian sebagai perlindungan tambahan Measles secara sukarela dan percuma kepada semua kanak-kanak berumur 6 hingga 59 bulan (kohort kelahiran 1 Jan 2020 sehingga 31 Jan 2025). Dos ini boleh didapati di semua klinik kesihatan kerajaan telah bermula sejak 4 Ogos 2025.

Pelalian ini telah digunakan di seluruh dunia selama lebih 50 tahun dan terbukti selamat dan berkesan. Oleh itu, marilah kita sama-sama mengambil langkah proaktif dengan memastikan anak-anak kecil kita menerima imunisasi tambahan ini.

Kesihatan adalah amanah Allah. Lindungilah anak-anak kita daripada penyakit yang boleh dicegah seperti Penyakit Demam Campak ini. Sekian untuk makluman dan tindakan bersama. "Mencegah lebih baik daripada merawat."

Wabillahi taufik Wal hidayah. Assalamualaikum Wbt. Terima kasih.



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“UKHUWAH ISLAMIAH ASAS PENYATUAN UMMAH”

5 September 2025 / 12 Rabiulawwal 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Sempena sambutan Maulidur Rasul, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

“UKHUWAH ISLAMIAH ASAS PENYATUAN UMMAH”

Firman Allah SWT:

﴿إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلَحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang yang beriman itu bersaudara, maka damaikanlah antara kedua-dua saudara kamu (yang bertelingkah), dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat.

(Surah al-Hujurat, ayat 10)

Maulidur Rasul disambut dengan hasrat mahu memperingati peribadi, menjadikan teladan, sifat dan amalan Baginda Nabi SAW, serta menghargai pengajaran dan bimbingan yang ditinggalkan kepada ummah; di samping menginsafi kekhilafan diri, jika ada sunah yang diabaikan,

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

agar ummah menjalani tatacara kehidupan duniawi yang seimbang dengan ukhrawi, berpandukan wahyu al-Quran dan sunnah Baginda SAW.

Atas keinsafan bahawa persaudaraan Islam merupakan kunci kesatuan ummah, negeri Perak Darul Ridzuan memilih tema “Ukhuwah Islamiah - Asas Penyatuan Ummah” sebagai tema sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri.

Ukhuwah bermaksud persaudaraan yang merujuk kepada ikatan hati dan jiwa sesama manusia, khusus sesama mukmin atas dasar akidah Islam dan kasih sayang sesama makhluk Allah. Ukhuwah melambangkan hubungan yang kukuh dan saling menyayangi antara individu yang dapat dibahagikan kepada tiga tingkatan:

Pertama: *al-Ithar* (الإِثَار); iaitu mendahulukan atau mengutamakan kepentingan orang lain mengatasi kepentingan diri sendiri.

Kedua: *al-Musawah* (الْمُسَاوَاة); iaitu kesamarataan; menganggap apa yang dimiliki dikongsi bersama tanpa ada yang lebih atau kurang.

Ketiga: *Salamatu Sodri* (سَلَامَةُ الصَّدْرِ); iaitu berlapang dada dan berbaik sangka, senantiasa memberikan penjelasan apabila timbul sebarang masalah dalam perhubungan.

Ukhuwah Islamiah atau persaudaraan Islam ialah teras kepada hubungan yang menyatukan hati-hati orang beriman atas dasar iman dan takwa. Ukhuwah Islamiah melampaui sempadan kaum, warna kulit, dan taraf ekonomi mahupun sosial. Ukhuwah Islamiah adalah asas kepada kesatuan ummah, menjadikan umat Islam seperti sebatang tubuh yang saling menyokong dan melindungi. Sabda Rasulullah SAW:

الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا

Bermaksud: Seorang mukmin terhadap mukmin yang lain adalah seperti sebuah bangunan, sebahagiannya menguatkan sebahagian yang lain.

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Para tetamu rumah Allah

Rasulullah SAW telah menunjukkan contoh terbaik dalam usaha membina ukhuwah. Sebaik sampai di Madinah, Baginda SAW menyatukan kaum Muhajirin dan Ansar dalam satu ikatan persaudaraan, dibina berdasarkan iman. Kaum Muhajirin dan Ansar menerima dengan hati terbuka untuk berkongsi harta, tempat tinggal, bahkan keluarga demi memelihara ukhuwah. Sabda Rasulullah SAW:

الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ، لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ، وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ

Bermaksud: Seorang Muslim adalah saudara kepada Muslim yang lain. Dia tidak menzaliminya dan tidak menyerahkannya (kepada musuh). Sesiapa yang membantu keperluan saudaranya, maka Allah akan membantu keperluannya.

(Hadis Riwayat Muslim)

Dukacita pada hari ini ukhuwah Islamiah tidak sekukuh yang diharapkan. Ummah kelihatan berada dalam tiga keadaan berikut:

Pertama: Di dalam negara, disebabkan perbezaan kabilah politik dan persaingan untuk mendapat kuasa politik, ummah kelihatan lebih cenderung memilih untuk berselisih daripada bersatu.

Kedua: Di peringkat dunia, penjajaran pimpinan negara Islam dengan kuasa-kuasa besar menjadi penyebab negara-negara Islam tidak seia - sekata dalam perkara-perkara yang menyentuh kedaulatan bumi Islam serta kezaliman dan penindasan yang dilakukan oleh kuasa besar terhadap umat Islam. Penderitaan yang ditanggung oleh bumi dan rakyat Palestin merupakan gajah di hadapan mata, yang membutakan penglihatan ramai pemimpin Islam.

Ketiga: Tidak adanya sifat *al-Ithar* dan *al-Musawah*; Kekayaan yang dilimpahi oleh Allah SWT kepada banyak negara Islam dan umat Islam, tidak disalurkan secara bererti yang boleh memberikan manfaat kepada umat Islam yang miskin, tertindas dan terpinggir. Di sebaliknya sifat-sifat tamak dan haloba



telah menghalalkan pihak yang memiliki kuasa melakukan kezaliman, penindasan, menyalah guna kuasa, rasuah, pecah amanah dan mencuri khazanah negara.

Jemaah yang dilimpahi rahmat Ilahi

Seyogianya mimbar memperingatkan, untuk membina ukhuwah yang kukuh dan melahirkan ummah yang bersatu padu, ummah dituntut melaksanakan tiga perkara berikut:

Pertama: Menjadikan al-Quran dan sunnah sebagai sumber rujukan kehidupan. Wahyu Ilahi membawa nilai keadilan, ihsan dan kebijaksanaan yang membantu menangani perbezaan secara berhemah, juga menggalakkan penyelesaian yang berpaksikan kepentingan bersama dan semangat persaudaraan. Dengan merujuk kepada sumber yang sahih, ummah dapat mengelakkan sikap melampau, keputusan yang dipengaruhi emosi, dan tindakan yang mementingkan diri. Apabila wahyu dijadikan panduan, perpaduan akan dapat dicapai melalui petunjuk dan keredaan Ilahi.

Kedua: Memelihara akhlak sesama Muslim dan sesama makhluk merupakan asas penting dalam membina penyatuan ummah. Sifat ikhlas dan berbaik sangka melahirkan kepercayaan serta menghindarkan prasangka yang meretakkan hubungan. Lidah yang dijaga daripada menyebarkan fitnah, mengumpat dan mencela, menjadi benteng daripada perpecahan dan permusuhan yang sering berpunca daripada kata-kata yang tidak terkawal. Apabila setiap individu berusaha memperelok akhlaknya terhadap saudara se-Islam, maka akan terbentuk masyarakat yang saling menghormati, saling mempercayai dan saling bersatu hati; lalu terbina landasan kukuh bagi penyatuan ummah yang bukan sekadar bersifat luaran, tetapi berpaksikan nilai-nilai murni yang diunjurkan oleh agama.

Ketiga: Memelihara ukhuwah Islamiah dengan mengerjakan ibadah terutama bersolat jemaah di masjid, memperbanyakkan amalan memberi salam, ziarah menziarahi terutama menziarahi saudara yang sedang dalam kesusahan, bersedia memohon maaf dan terbuka memberi kemaafan.

Jemaah Rahimakumullah,

Rasulullah SAW telah menunjukkan bahawa kekuatan ummah terletak pada kesatuan hati, bukan pada bilangan ummah yang ramai atau kekayaan harta benda yang dimiliki. Jangan biarkan perbezaan pandangan, anutan mazhab, atau pegangan politik kepartian memecahbelahkan ummah. Islam satu-satunya agama yang diiredhai Illahi, agama yang lengkap memayungi peraturan gaya hidup yang mendapat keredaan Nya. Semoga acara-acara yang dianjurkan sepanjang menyambut Maulidur Rasul berjaya menyemaikan keinsafan betapa pentingnya membina ukhuwah agar ummah menjadi ummah yang bersatu, memiliki kekuatan untuk memimpin dunia bertiangkan syariat.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbulalamin! satukan hati-hati kami; perbaiki hubungan antara kami; tunjukkan kami jalan yang mendapat keredaan Mu; jauhi kami daripada fitnah yang zahir dan yang tersembunyi; jadikan kami hamba-hamba Mu yang saling berkasih-sayang kerana Mu.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalik al Mulk! Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.